ASNB
Amanah Saham Nasional Berhad

PERMOHONAN PELANTIKAN PENGIRING PERTAMA/KEDUA ATAU PEMBATALAN PENGIRING DAN SURAT JAMINAN GANTIRUGI

ARAHAN PENTING

1. Dokumen ini hendaklah dilengkapkan oleh Pemegang Unit yang memohon kemudahan pengiring.
2. Sila baca dan fahamkan peranan dan tugas-tugas pengiring pada dokumen yang disertakan.
3. ASNB berhak untuk menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan ASNB dan ASNB tidak akan menanggung sebarang kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak disebabkan penolakan permohonan ini kerana kegagalan mematuhi arahan yang ditetapkan.
4. Sila tandakan ✓ di bahagian yang berkenaan.

PERMOHONAN PELANTIKAN PENGIRING PERTAMA/KEDUA ATAU PEMBATALAN PENGIRING DAN SURAT JAMINAN GANTIRUGI

1. Saya seperti nama yang tercatat di bahagian Pemegang Unit di sini adalah seorang yang cukup umur dan waras fikiran semasa saya membuat permohonan ini.
2. Saya dengan ini memohon kepada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bagi perkara berikut:
   - ☐ (i) MELANTIK PENGIRING. Melantik individu yang dicatat di bahagian Pengiring di sini sebagai Pengiring saya yang sah dan pelantikan ini serta-merta membatalkan Pengiring terdahulu (jika ada).
   - ☐ (ii) PEMBATALAN PENGIRING. Membatalkan pelantikan Pengiring semasa.
   - ☐ (iii) MELANTIK PENGIRING KEDUA. Melantik individu yang dicatat di bahagian Pengiring Kedua di sini sebagai Pengiring saya yang sah atas permintaan saya atau di sebabkan kematian/hilang upaya kekal pada Pengiring terdahulu (individu yang dicatat di bahagian Pengiring Pertama di sini).
3. Saya dan Pengiring mengaku bahawa kami memahami peranan dan tanggungjawab serta akibat berhubung permohonan ini.
4. Saya dan Pengiring juga bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat dan tatacara yang ditetapkan oleh ASNB dan juga bersetuju untuk bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua urusan yang berkaitan dengan mana-mana akaun pelaburan saya.
5. Sebagai balasan bagi ASNB, atas permintaan saya untuk melantik/membatal Pengiring, saya dengan ini BERSETUJU TANPA SYARAT seperti berikut:
   - (i) bahawa saya tidak akan membuat apa-apa dakwaan atau tuntutan terhadap ASNB berkenaan semua urus niaga yang dilakukan di dalam mana-mana akaun pelaburan saya; dan
   - (ii) bahawa saya bertanggungjawab secara terus dan sepenuhnya serta melepaskan dan mengganti rugi ASNB terhadap sebarang pertikaian, dakwaan, tindakan, kerugian atau pampasan ganti rugi serta segala kos (termasuklah kos peguam cara) yang terpaksa ditanggung oleh ASNB berhubung tuntutan yang mungkin dibuat terhadap ASNB oleh mana-mana pihak berhubung mana-mana akaun pelaburan saya.
6. Saya membuat Jaminan Gantirugi ini kepada ASNB dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan saya faham jika saya mengingkarinya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang.

MAKLUMAT PENGIRING PERTAMA	MAKLUMAT PEMEGANG UNIT
Nama Penuh : _____	Nama Penuh : _____
No.K/P : _____	No.K/P : _____
Tandatangan atau cap ibu jari : _____	Tandatangan atau Cap ibu jari : _____
Telefon bimbit : _____	Lekatkan Setem Hasil RM10 di sini dan dibatalkan di LHDN
MAKLUMAT PENGIRING KEDUA	**DISAHKAN OLEH PEGAWAI ASNB**
Nama Penuh : _____	
No.K/P : _____	
Tandatangan atau cap ibu jari : _____	
Telefon bimbit : _____	…… (Tandatangan, Cop nama, jawatan) …….....…… (Tarikh)